

65. I Suaranya hilang kerana terlalu banyak bersorak.
II Mereka meneruskan perjalanan setelah matahari hilang.
III Air sungai itu semakin hilang akibat kemarau yang berpanjangan.
IV Ahli-ahli persatuan itu telah hilang kepercayaan terhadap ketua mereka.
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
66. I Siew Pei bangun lalu membuka tingkap di biliknya.
II Kakak Zila belum membuka hati untuk mendirikan rumah tangga.
III Encik Sim membuka laporan di balai polis tentang kecurian keretanya.
IV Pelbagai program dianjurkan oleh pihak kerajaan untuk membuka peluang kepada golongan belia yang berminat dalam bidang keusahawanan.
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
67. Apakah yang diterima oleh penyanyi itu daripada peminatnya?
A Jam tangan itu diberikan oleh peminat itu kepada penyanyi itu.
B Penyanyi itu menerima seutas jam tangan daripada peminatnya.
C Peminat penyanyi itu menerima seutas jam tangan daripada penyanyi itu.
D Jam tangan itu diterima oleh peminat itu daripada penyanyi kegemarannya.
68. Dari manakah pengusaha restoran itu memperoleh bekalan makanan laut?
A Bekalan makanan laut itu adalah untuk pengusaha restoran itu.
B Makanan laut yang dibekalkan oleh pengusaha restoran itu segar-bugar.
C Pengusaha restoran itu dibekalkan makanan laut yang segar pada setiap hari.
D Pengusaha restoran itu memperoleh bekalan makanan laut daripada nelayan kecil.
69. Bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap Pesta Permainan Tradisional itu?
A Pesta Permainan Tradisional itu mendapat sambutan yang hangat.
B Pesta Permainan Tradisional itu sesuai untuk semua peringkat umur.
C Orang ramai berduyun-duyun ke tapak Pesta Permainan Tradisional.
D Pesta Permainan Tradisional itu merupakan pesta yang julung-julung kali diadakan.
70. Mengapakah pihak polis memperketat kawalan di sempadan negara?
A Pihak polis mengawal ketat sempadan negara.
B Kawalan pihak polis di sempadan negara semakin ketat.
C Sempadan negara dikawal ketat oleh pihak polis sejak sebulan yang lalu.
D Pihak polis memperketat kawalan di sempadan negara untuk membanteras kegiatan menyeludup beras.